

08 JAN 1998

Mahathir-Kongres

ANGGOTA KONGRES : RESOLUSI TERHADAP DR MAHATHIR PENDAPAT PERIBADI

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Draf resolusi yang mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meminta maaf secara terbuka kerana membuat kenyataan anti-Yahudi merupakan pendapat peribadi anggota Kongres Amerika Syarikat yang terbabit dan tidak mendapat sokongan.

Floyd Spence, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kebangsaan Dewan Perwakilan Amerika berkata, resolusi itu tidak disokong kebanyakan anggota kongres dan ia hanya mencerminkan pendapat anggota yang terbabit dengan penyediaannya.

Spence telah menyentuh isu itu semasa perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tetapi ia tidak dibincangkan secara mendalam.

"Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada Encik Spence kerana kenyataannya itu," kata Setiausaha Bahagian di Kementerian Luar, Mohd Arshad M. Hussein, ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai hasil pertemuan selama kira-kira sejam antara Dr Mahathir dan delegasi sembilan anggota Kongres Amerika di Jabatan Perdana Menteri.

Delegasi yang diketuai Spence itu sedang dalam rangka lawatan kerja ke beberapa negara Asia. Malaysia merupakan destinasi pertama yang dikunjungi delegasi itu selama dua hari sebelum ke Indonesia dan Australia.

Pada Oktober lepas, 34 anggota kongres yang diketuai Robert Wexler (Democrat-Florida), memperkenalkan satu usul yang memberi kata dua kepada Dr Mahathir supaya meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana menyatakan terdapat konspirasi Yahudi dalam spekulasi mata wang di rantau ini.

Dr Mahathir telah berulang kali menjelaskan bahawa kenyataannya itu telah disalah-ertikan dan beliau bukan anti-Yahudi atau anti-Semitik.

Mohd Arshad berkata, Spence (Republican-South Carolina) telah memberitahu Perdana Menteri bahawa tidak seorangpun daripada anggota delegasinya itu menyokong draf resolusi berkenaan.

"Spence berkata draf resolusi itu semata-mata pandangan sesetengah anggota kongres dan ia tidak semestinya mencerminkan pandangan kesemua anggota kongres," katanya.

Anggota delegasi itu ialah Herbert Bateman (Republican-Virginia), Owen Pickett (Republican-Virginia), Tillie Fowler (Republican-Florida), John M. Mchugh (Democrat-Pennsylvania), Paul McHale (Democrat-Pennsylvania), Lindsey O. Graham (Republican-South Carolina), Van Hilleary (Republican-Tennessee) dan John Mica (Republican-Florida). Yang turut hadir Duta Amerika di sini John R. Mallott.

Mohd Arshad berkata, Perdana Menteri turut menyatakan keberhasilan Malaysia dengan kehadiran tentera Amerika di rantau ini dalam keadaannya sekarang.

Katanya, Dr Mahathir memberitahu delegasi itu bahawa sebarang peningkatan dalam saiz ketenteraan itu boleh menimbulkan kebimbangan tercetus konflik yang tidak diinginkan.

"Perdana Menteri juga menyatakan rasa puas hati Malaysia dengan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara terutama dalam pelaksanaan latihan-latihan bersama," katanya.

Mohd Arshad berkata, delegasi Amerika itu juga menyatakan rasa kagum dengan keupayaan Malaysia untuk terus membangunkan negara walaupun belanjawannya dipotong sehingga 20 peratus.

Dalam hal ini, Dr Mahathir telah menyatakan kesyukurannya kepada sikap

taat setia, perpaduan dan semangat sanggup berkorban yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia untuk sama-sama membantu kerajaan menangani krisis yang dihadapi.

Pagi tadi, delegasi itu telah mengunjungi Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar di Kementerian Pertahanan.

"Apa yang menarik sekali ialah, mereka memberitahu saya bahawa Malaysia mempunyai ramai kawan di Dewan Kongres Amerika Syarikat," kata Syed Hamid kepada pemberita. -- bernama

AH MHI MAI